

KERATAN: Beita Harian
SAB-A0274/12

TARIKH: 16/01/2012
M/S: (8)

Kulit kayu merah dijadikan pakaian awal tutup alat sulit

MEMANG sukar untuk disahkan yang mana betul atau sekadar rekaan. Sejarah jika sekadar berbentuk penyampaian mulut ke mulut, pasti mudah dipertikai dan dipatahkan. Malah, cerita sejarah lisan pasti akan mempunyai beberapa versi, bergantung kepada sumber mana maklumat itu diperolehi.

Oleh kerana itu, merujuk kepada bagaimana masyarakat Kimaragang mendapat namanya, ia sukar untuk disahkan yang mana tepat atau sebaliknya. Namun, merujuk kepada dua sumber cerita, dapat disimpulkan nama masyarakat di utara Sabah itu ada kaitan dengan warna merah.

Satu lagi versi yang diceritakan pakar rujuk adat yang juga Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Kimaragang Bersatu Sabah, Alias Tudin Sapuan, 54, nama Kimaragang ada kaitan dengan perubahan tamadun masyarakat itu daripada tidak berpakaian kepada memilih untuk menggunakan kulit kayu untuk melindungi bahagian sulit mereka.

"Kimaragang dulu tidak ada seorang pun yang berpakaian. Ada maklumat menyatakan yang Kimaragang adalah satu antara lima orang asli di Sabah. Dulu, alat sulit hanya ditutup dengan daun sebelum menjumpai satu pokok kayu sangat besar. Ada orang yang mendapati kulit kayu itu sesuai untuk dijadikan pakaian.

"Kayu itu diketuk untuk mengeluarkan kulitnya. Kulitnya berwarna merah dan untuk menambahkan kepekatan warnanya, ia dicelup dengan cecair merah yang juga diambil dari tumbuhan hutan. Badan orang Kimaragang memang secara semula jadi berwarna merah dan selepas memakai kulit kayu itu, ia menjadi bertambah merah.

"Pemimpin masyarakat ketika itu menamakan mereka sebagai kumpulan merah atau Kimaragang, merujuk kepada warna pakaian dan badan mereka. Kimaragang juga bermaksud ramai orang merah.

"Ia menunjukkan yang pemberian nama kepada masyarakat kami adalah titik tolak kepada bermulanya satu tamadun baru kepada orang Kimaragang yang sebelumnya tidak pernah berpakaian. Sukar disahkan bila peristiwa itu terjadi tetapi sampai hari ini masih ada orang yang mahir membuat pakaian daripada kulit kayu," katanya.

Jika mahu diambil kira logik akal, memang versi ini nampak lebih tepat, namun adalah tidak sesuai untuk terus menolak dua versi sebelumnya kerana semua versi



Pemimpin masyarakat ketika itu menamakan mereka sebagai kumpulan merah atau Kimaragang, merujuk kepada warna pakaian dan badan mereka



Alias Tudin Sapuan
Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Kimaragang
Bersatu Sabah

yang diceritakan hanya merujuk kepada cerita lisan nenek moyang masing-masing.

Bagaimanapun, lebih tepat nama etnik ini dikaitkan dengan warna merah kerana dua versi memberikan gambaran serupa.

Meninjau aktiviti masyarakat itu di Kota Marudu, nyata masih ada yang mahir membuat pakaian daripada kulit kayu menggunakan kaedah tradisional iaitu mengetuk batang kayu untuk diambil kulitnya sebelum dijemur dan dijadikan pakaian.

Malah, imej dusun masyarakat itu masih ketara di beberapa kampung yang kami lawati kerana ramai wanita yang tidak segan silu mandi serta membasuh pakaian secara terbuka di tebing sungai dengan hanya berkemban. Senario itu menjadi pemandangan pertama ketika kami tiba di Kampung Tingkalanon untuk mendapatkan kupasan mengenai sejarah masyarakat.



ETNIK Kimaragang masih lagi mandi di sungai.